

2 aset Britain sertai operasi

» HMS Tireless, HMS Echo mampu beroperasi dalam situasi ekstrem

BH 3/4/14 MS 8



M Thilinanad

← Wartawan
bhnews@bh.com.my



**Effendy
Rashid**

Jurugambar →



► Perth, Australia

belayar menuju ke selatan Lautan Hindi bagi membantu misi pencarian terbabit.


Kecanggihan teknologi pada dua aset itu berikutan keupayaan masing-masing menilai persekitaran dasar lautan, diharap dapat membantu mengoptimumkan operasi mencari kotak hitam MH370.

Mampu kesan objek bergerak

HMS *Tireless* dilengkapi Sonar 2076, iaitu sonar pelbagai guna termasuk jenis aktif dan pasif dengan lebih 13,000 hidrofona, yang mampu mengesan objek bergerak atau pegun dalam radius seluas 96 kilometer.

Kotak hitam yang merekodkan data penerbangan dan komunikasi kokpit pesawat, boleh merungkai misteri kehilangan MH370, menurut sebuah laporan...

Kapal selam HMS Tireless Tentera Laut Diraja Britain



**TRAGEDI
MH370**



“Ini adalah satu sumbangan daripada rakan Malaysia, yang amat dihargai bukan saja oleh kami tetapi juga rakan-rakan yang sedang menyertai operasi pencarian penerbangan MH370. Saya berharap semua pihak akan mendoakan segala aset yang sudah digerakkan dapat mengenalpasti objek dikesan satelit”

Hishammuddin Hussein,
Menteri Pertahanan

“
Realitinya adalah
kita berada dalam
situasi yang kompleks
dan bagi saya
pencarian MH370
adalah yang
paling mencabar
pernah saya lihat”

Angus Houston,
Ketua Pusat Penyelarasan
Agensi Bersama (JACC)



mengeluarkan isyarat
ultrasonik menggu-
nakan bateri yang ber-
tahan selama 30 hari. Ini
bererti tempoh hayat bateri
kotak hitam terbahit hanya berba-
ki lima hari lagi.

HMS Echo yang dijangka tiba
di kawasan operasi hari ini,
akan membantu kapal Tentera
Laut Diraja Australia, *Ocean
Shields*, yang menunda alat pe-
ngesan kotak hitam, Towed Pinger
Locator (TPL) serta mengawasi
kapal selam mini kawalan jauh
atau dron laut dalam, *Bluefin-21*.

Sumbangan besar

Menteri Pertahanan, Datuk Seri
Hishammuddin Hussein, berkata
penyertaan terbaru aset Britain,
kapal selam *HMS Tireless*, itu sudah
dimaklumkan rakan sejawatnya
dari Britain, Philip Hammond.

“Ini adalah satu sumbangan
daripada rakan Malaysia, yang
amat dihargai bukan saja oleh

kami tetapi juga rakan-rakan yang
sedang menyertai operasi penca-
rian penerbangan MH370.


“Saya berharap semua pihak
akan mendoakan segala aset yang
sudah digerakkan dapat mengena-
lpasti objek-objek dikesan satelit
yang membantu dalam pencarian
pesawat MH370,” katanya.

Hishammuddin berada di Hono-



HMS ECHO

- ⊙ Mula beroperasi pada 7 Mac 2003
- ⊙ Dilengkapi teknologi peninjauan hidrografi pelbagai guna
- ⊙ Menggunakan kuasa diesel dan elektrik
- ⊙ Propeler jenis tujuh azimut yang boleh bergerak bebas secara horizontal
- ⊙ Kawalan menggunakan Sistem Pengemudian Bersepadu (INS)



Info

- Kapal selam berusia lebih 25 tahun, kelas Trafalgar yang pertama sertai misi mencari MH370.
- Boleh beroperasi untuk jangka masa panjang tanpa perlu timbul di permukaan.
- Pernah menjalani operasi latihan di Kutub Utara

Laut China Selatan ke Selat Melaka dan Laut Andaman, sebelum ditumpukan ke selatan Lautan Hindi, susulan analisis data menunjukkan pesawat itu berpatah balik. BH 3/4/14 MS9

Kawasan terpencil

Tumpuan ke selatan Lautan Hindi itu susulan analisis syarikat satelit, Inmarsat dan Cawangan Siasatan Kemalangan Udara UK, yang merumuskan penerbangan MH370 berakhir di kawasan terpencil selatan Lautan Hindi di barat Perth, Australia.

Pusat Penyelaras Agensi Bersama (JACC) dalam kenyataannya semalam, berkata 10 pesawat termasuk C-130H Hercules dan PC3 Orion menyertai operasi dari udara semalam dengan pesawat pertama berlepas jam 6 pagi.

“Pihak Berkuasa Keselamatan Maritim Australia menetapkan kawasan pencarian membabitkan 221,000 kilometer persegi, 1,504 kilometer ke barat laut Perth.

“Keadaan cuaca di lokasi itu hari ini (semalam) dilaporkan sederhana, dengan awam berputus-putus, kabus dan ribut di beberapa kawasan,” katanya.

Operasi mencabar

Semalam, jet persendirian milik pengarah filem *Lord of The Rings*, Peter Jackson, turut digunakan dalam operasi mencari pesawat MH370. Pesawat Gulfstream G650 milik Jackson itu digunakan bagi tujuan komunikasi untuk menghantar mesej di antara pesawat-pesawat yang terlibat dalam

m i s i mencari MH370.

K e t u a J A C C , K e t u a Marshal Udara (B)



INFO

HMS TIRELESS

- ⊙ Kapal selam kelas Trafalgar.
- ⊙ Seliaan Komander Hywel Griffiths sejak Januari 2012
- ⊙ Setaraf dengan HMS Talent, HMS Torbay, HMS Trenchant, HMS Triumph
- ⊙ Direka untuk pertempuran kapal selam dan kapal
- ⊙ Dilancarkan pada 17 Mac 1984
- ⊙ Guna reaktor berkuasa nuklear buatan Rolls Royce
- ⊙ Menggunakan sistem pengudaraan Perejangan Udara Bebas (AIP)
- ⊙ Nuklear kapal selam ini berupaya menjana elektrik seluruh bandar Swindon di barat daya England, yang mempunyai jumlah penduduk 185,609 dalam kawasan seluas 40 kilometer persegi
- ⊙ Mempunyai Periskop Pilkington Optronics CK34 untuk operasi mencari
- ⊙ Tahan cuaca ekstrem termasuk keadaan di Kutub Utara
- ⊙ Identiti S88



Info Lautan Hindi

- **Kawasan operasi** seluas 253, 819 km²
- **Kedalaman maksimum** terletak di jurang Diamantina 7,299 meter

28 KM/J
kelajuan maksimum

35 KETAHANAN
menjalankan operasi

72 ANGGOTA
bertugas dalam HMS ECHO

lulu, Hawaii sejak Isnin, untuk menghadiri Forum Pertahanan Amerika Syarikat-ASEAN atas inisiatif Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat, Chuck Hagel.

Mengulas keupayaan HMS *Tireless*, Timbalan Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Laksamana Madya Datuk Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin, berkata kapal selam terbabit mampu beroperasi di kawasan persekitaran maritim paling teruk hingga Kutub Selatan.

Kapal friget milik TLDM, *KD Lekiu*, dijadual berlepas dari Pangkalan Tentera Laut Austra-

Deen : Grafik BH

lia di Garden Islands, tengah hari ini. Setakat ini, 15 kapal laut sudah berada di kawasan pencarian, termasuk sembilan kapal China, selain kapal Australia, Britain dan Amerika Syarikat.

Pesawat Boeing 777-200ER yang membawa 239 penumpang dan anak kapal itu, dalam penerbangan ke Beijing, sebelum hilang secara misteri pada 8 Mac lalu hingga kini.

Kejadian berlaku ketika pesawat terbabit merentasi Laut China Selatan, selepas kira-kira sejam berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada jam 12.41 tengah malam.

Sejak kehilangannya, operasi mencari MH370 digerakkan dari

Angus Houston, dalam satu temubual dengan stesen radio di Perth, melahirkan kebimbangan kotak hitam tidak mungkin ditemui dalam tempoh terdekat kerana kawasan operasi yang luas, selain kedalaman lokasi carian.

“Realitinya adalah kita berada dalam situasi yang kompleks dan bagi saya pencarian MH370 adalah yang paling mencabar pernah saya lihat.

“Jika kita tidak temui sesuatu di permukaan dengan segera, kita kena memikirkan apa tindakan seterusnya,” kata bekas Panglima Angkatan Tentera Australia itu.

Walaupun pelbagai tuduhan dilemparkan terhadap Malaysia, Houston berkata: “Kerjasama Australia dengan Malaysia dalam misi ini adalah kelas pertama”.

Perdana Menteri Australia, Tony Abbott, juga dilaporkan berkata walaupun operasi mencari perlahan, amat sukar dan mengecewakan setakat ini, ia tetap akan diteruskan.

85 METER
panjang HMS TIRELESS

130 ANGGOTA
bertugas

18 PEGAWAI
tertinggi
mengendalikan kapal

4,740 TAN
berat ketika
di permukaan

5,298 TAN
berat ketika menyelam